

**MODUL ASAS PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

**NYANYIAN LAGU MELAYU ASLI**

**NOR AZURA BINTI ABU BAKAR**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK**

**MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN MUZIK**

**MOD KERJA KURSUS**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2014**

**ABSTRAK**

Tujuan projek ini adalah untuk membina dan melaksanakan 'Modul Asas Pengajaran dan Pembelajaran Nyanyian Lagu Melayu Asli'. Melalui penghasilan modul ini, guru-guru muzik ataupun individu yang berminat untuk menguasai nyanyian lagu Melayu Asli di peringkat asas, akan dapat memahami sedikit sebanyak perkara penting yang perlu diketahui sebelum mempelajari nyanyian lagu Melayu Asli ini dengan lebih mendalam. Beberapa topik telah dikemukakan agar proses pengajaran dan pembelajaran lebih mudah difahami seperti pengenalan, sejarah asal usul, teks dan pantun, struktur, alat muzik pengiring, penerokaan teknik vokal, latihan pemanasan suara yang bersesuaian, patah lagu dan langkah-langkah asas mempelajari nyanyian lagu Melayu Asli menerusi beberapa buah lagu yang telah dipilih. Notasi dan Cakera Padat nyanyian Allahyarham Rahim Jantan juga turut dilampirkan bersama untuk tujuan rujukan. Dalam masa yang sama penghasilan produk ini juga dapat menyumbang kepada pengekalan warisan budaya. Pemerhatian terhadap rakaman Allahyarham Rahim Jantan yang merupakan aktivitis ataupun jagoan muzik tradisional yang pernah berkhidmat bersama dengan badan-badan kebudayaan di sekitar Kuala Lumpur dan terakhir berkhidmat sebagai adiguru Vokal Tradisional di ASWARA sehingga ke akhir hayatnya. Temu bual juga telah dijalankan dengan 2 orang pensyarah muzik ASWARA, dan 2 orang pelajar lulusan ASWARA yang mengambil alat muzik Vokal Tradisional sebagai alat muzik Major dan mempunyai pengalaman dalam nyanyian tradisional lebih dari 10 tahun. Dapatan dari temu bual menunjukkan bahawa semua responden bersependapat dan bersetuju dengan semua aspek dalam produk yang telah dibangunkan. Namun begitu masih juga terdapat sedikit kelemahan dalam penghasilannya. Akan tetapi cadangan untuk penambahbaikan bagi mengatasi kelemahan tersebut turut dibincangkan dalam bahagian akhir penulisan ini.



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
**ABSTRACT**

*The purpose of this project is to develop and implement 'Basic Module for Teaching and Learning Malay Traditional Song'. Through this module production, music teachers, and individuals who are interested in singing traditional Malay master the basics, will be able to understand some important things to know before studying singing Malay Traditional Song with more depth. Some topics have been submitted to the teaching and learning process more easily understood as an introduction, historical origins, text and poem, structure, instrumental accompaniment, the exploration of vocal techniques, a suitable voice warm-up exercises, ornamentations and learn the basic steps singing Malay Traditional Song through several songs that have been chosen. Notation and Compact Disc sang by the late Rahim Jantan also attached for reference. At the same time the production of these products can also contribute to the preservation of cultural heritage. Observations on the recording of the late Rahim Jantan, an activists or traditional music whiz who has worked with cultural bodies around Kuala Lumpur and last served as masters in Traditional Vocal ASWARA to the very end. The interview was conducted by two ASWARA music lecturers, and two ASWARA graduate students taking Traditional Vocal instrument as a Major and have experience in traditional singing for more than 10 years. Findings from the interviews indicated that all respondents agree and disagree with all aspects of the product that has been developed. But there were still some shortcomings in its production. But suggestions for improvement to address these weaknesses are discussed at the last section of this paper.*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

## KANDUNGAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Muka surat

<b>PENGAKUAN</b>		ii
<b>PENGESAHAN</b>		iii
<b>PENGHARGAAN</b>		iv
<b>ABSTRAK</b>		v
<b>ABSTRACT</b>		vi
<b>KANDUNGAN</b>		vii
<b>SENARAI RAJAH &amp; SENARAI JADUAL</b>		xi
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Projek	4
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Tujuan Projek	7
	1.4.1 Tujuan Projek	
	1.4.2 Objektif Khusus	
	1.5 Kepentingan Projek	9
	1.5.1 Sekolah-sekolah	
	1.5.2 Guru Vokal	
	1.5.3 Warisan Budaya	
	1.6 Batasan Projek	10
	1.7 Definisi Istilah	11
	1.7.1 Muzik	
	1.7.2 Asas	
	1.7.3 Modul Pengajaran dan Pembelajaran	
	1.7.4 Pengajaran	
	1.7.5 Pembelajaran	
	1.7.6 Nyanyian Lagu Melayu Asli	
	1.7.7 Lagu Melayu Asli	
	1.8 Rumusan	18

**BAB 2 PROSEDUR MEMBANGUNKAN PRODUK**

2.1	Pengenalan	19
2.2	Mendapatkan dan Mengumpulkan Maklumat/ Data Berkaitan Nyanyian Lagu Melayu Asli	20
2.2.1	Pemerhatian	
2.2.2	Temu bual	
2.2.3	Rakaman Audio dan Video	
2.2.4	Pembacaan Dokumen	
2.3	Mengklasifikasikan Maklumat/Data Yang Diperolehi Mengikut Tema dan Kategori	23
2.4	Menetapkan Topik Berdasarkan Tema dan Kategori	24
2.5	Menulis Manuskrip dan Data Mengikut Kategori/ Topik Yang Telah Ditetapkan	24
2.6	Menyunting Manuskrip dan Data Mengikut Kategori/ Kandungan Topik Yang Telah Ditetapkan	26
2.7	Kerangka Kerja Penghasilan Projek	27
2.8	Rumusan	28

**BAB 3 HURAIAN PRODUK**

3.1	Pengenalan	29
3.2	Bentuk dan Objektif Produk Yang Dibangunkan	29
3.3	Isi Kandungan Modul Asas Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Nyanyian Lagu Melayu Asli	30
3.4	Rumusan	35

**BAB 4 DAPATAN DATA DAN PERBINCANGAN PRODUK**

4.1	Pengenalan	36
4.2	Latar Belakang Responden	36
4.3	Analisis Dapatan Temu bual	38
4.3.1	Pengalaman di dalam persembahan nyanyian Lagu Melayu Asli	
4.3.2	Adakah pembangunan ‘Modul Asas Pengajaran dan Pembelajaran Nyanyian Lagu Melayu Asli boleh dilaksanakan secara pembelajaran sendiri?	
4.3.3	Tanggapan awal responden terhadap modul dan penggunaannya sebagai bahan bantu mengajar (BBM)	
4.3.4	Kesesuaian Susunan Topik-topik ‘Modul Asas Pengajaran Dan Pembelajaran Nyanyian Lagu Melayu Asli’	
4.3.5	Penerangan yang lengkap dan disusuli dengan gambar-gambar	
4.4	Kesesuaian Pengajaran dan Pembelajaran Nyanyian Lagu Melayu Asli Di Sekolah	43
4.5	Rumusan	44

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**BAB 5      RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	45
5.2	Ringkasan Produk	46
5.3	Fungsi-fungsi Produk	48
5.4	Sasaran Pengguna	49
5.5	Perbincangan kekuatan dan kelemahan Modul Asas Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Nyanyian Lagu Melayu Asli	50
	5.5.1 Kekuatan Produk yang dibangunkan	
	5.5.2 Kelemahan Produk yang dibangunkan	
5.6	Cadangan-cadangan	52
5.7	Rumusan	53

**RUJUKAN**

54

**LAMPIRAN**

61

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**SENARAI RAJAH**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Rajah

Muka Surat

Rajah 2.1 : Model Kerangka Kerja Menghasilkan Projek

27

**SENARAI JADUAL**

Jadual

Muka Surat

Jadual 3.1 : Isi Kandungan 'Modul Asas Pengajaran dan Pembelajaran Nyanyian Lagu Melayu Asli

32

Jadual 4.1 : Latar Belakang Responden

37

Jadual 5.1 : Isi Kandungan 'Modul Asas Pengajaran dan Pembelajaran Nyanyian Lagu Melayu Asli

47



## BAB 1 : PENDAHULUAN

---

### 1.1 Pengenalan

Modul Asas Pengajaran dan Pembelajaran Nyanyian Lagu Melayu Asli dibangunkan adalah untuk dijadikan panduan atau rujukan yang relevan dan bermutu sebagai keperluan individu mahupun guru vokal yang ingin mendalami secara serius berkenaan nyanyian lagu Melayu Asli. Sama seperti fungsi pendidikan muzik di sekolah, nyanyian lagu Melayu Asli juga boleh dijadikan medium bagi setiap individu meluahkan perasaan, fikiran dan imaginasi dan ini bertujuan untuk memberi perluasan pengalaman muzikal dan kesedaran estetika setiap individu.

Walaupun sasaran pengguna modul ini lebih kepada individu perseorangan, guru vokal ataupun pelajar IPTA / IPTS, matlamat pembangunan modul ini seiring dengan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu, dapat melengkapkan pelajar dengan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman muzik disamping mempertingkatkan cita rasa muzikal yang membolehkan pelajar menikmati, menghargai dan merekacipta muzik ke arah melahirkan insan yang seimbang, kreatif, berdisiplin dan harmonis (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003, ms.iii).

Selain itu pembangunan modul ini juga dapat menerap nilai-nilai positif seperti semangat mencuba yang tinggi, memupuk semangat patriotisme dan kekitaan dalam menaik taraf pendidikan muzik tradisional warisan Malaysia selain mempergiatkan usaha mengekal dan memulihara khazanah ini juga dapat menyebarkan maklumat berkenaan muzik tradisional warisan Malaysia kepada orang awam dalam dan luar negara.

Jika dilihat daripada sejarah perkembangan muzik di Malaysia, semasa sebelum zaman penjajahan terdapat dua jenis muzik iaitu muzik klasik dan muzik rakyat. Muzik klasik adalah muzik yang berkait dengan kawasan istana yang dinaungi oleh Raja-raja dan hanya diketahui oleh sebahagian komuniti tertentu manakala muzik rakyat pula adalah muzik dikalangan rakyat biasa yang terdiri daripada kaum petani dan nelayan tetapi kualiti muziknya lebih rendah berbanding muzik klasik kerana mereka tidak dinaungi oleh mana-mana pihak. Semasa zaman penjajahan hampir kesemua muzik tersebut telah dicampurkan dengan unsur-unsur luar dan tidak hairanlah mengapa muzik Malaysia mempunyai persamaan dengan negara luar dan ini disebut sebagai muzik sinkretik. Perkataan sinkretik telah dipadankan dari perkataan Inggeris '*Syncretic*' yang bermaksud perpaduan atau penyatuan unsur. Proses sinkretik berlaku apabila unsur-unsur muzik tradisional tempatan yang sedia ada telah bersepadu dengan unsur-unsur daripada pengaruh asing.

Persamaan alat dan struktur muzik adalah disebabkan wujudnya interaksi di antara negara-negara dunia Melayu lama merangkumi Malaysia, Indonesia, sebahagian negara Thai, Kampuchea, Filipina yang dibentuk oleh kerajaan Funan, Seriwijaya, Majapahit dan Melaka serta negara Timur Tengah, India dan China melalui aktiviti perdagangan dan pertukaran budaya di antara mereka. Apabila Islam mula bertapak di dunia Melayu lama pada tahun 1414, pedagang dari Arab mula memperkenalkan tarian zapin dan bentuk-bentuk nyanyian yang mengagungkan Allah S.W.T, Nabi Muhammad S.A.W dan rakan-rakannya menerusi persembahan hadrah, rodan, dabus dan dikir rebana dalam bentuk nyanyian berkumpulan yang diiringi rebana dan gong.

Manakala pendatang Indonesia yang bertapak di bahagian selatan Semenanjung Malaysia telah membawa bersama persembahan kesenian wayang purwa, ketoprak, tarian kuda kepang dan alat muzik angklung sementara orang Bugis telah membawa joget gamelan dari Kepulauan Riau dan rodan dari Sumatera melalui Sambas di Borneo. Pengaruh dari negeri Thai yang bertapak di bahagian utara Semenanjung Malaysia pula dapat dilihat dalam persembahan wayang kulit Siam di Kelantan, wayang gedek di Kedah dan Perlis, menora dan makyong. Sabah dan Sarawak pula menunjukkan pertalian kebudayaan yang rapat dengan Filipina dan yang terakhir adalah dari Barat. Orang Portugis telah memperkenalkan alat muzik violin dan gitar dan merekalah yang telah mempengaruhi kemunculan muzik sinkretik. (Mohd Ghouse Nasuruddin, 2003).

Alat muzik yang sering digunakan untuk mengiringi lagu-lagu tradisional amnya dan khususnya lagu Melayu Asli ialah gong dan rebana manakala melodinya oleh alat muzik biola, akordian dan gitar. Walaubagaimanapun muzik atau lagu Melayu Asli ini, boleh disesuaikan persembahan muziknya dengan penambahan atau penggunaan alat muzik moden yang lain seperti gitar akustik, gitar bes (*bass*), dram (*drum*) dan ia bertahan sehingga ke hari ini kerana lagu Melayu asli dimainkan dalam skel diatonik iaitu not yang bertetapan dengan tanga nada dan not ini adalah not-not putih pada piano di mana alat muzik Barat atau moden ini dapat digunakan dalam persembahan lagu Melayu Asli tanpa mencacatkan dan merosakkan sebarang ciri-ciri kesenian asal lagu Melayu Asli.

## 1.2 Latar belakang Projek

Lagu Melayu Asli merupakan sebuah lagu yang mempunyai estetika yang tersendiri. Ada yang berpendapat bahawa maksud asli itu adalah daripada perkataan asal atau pun mula dan ada juga yang mengatakan bahawa istilah asli ini adalah untuk menunjukkan rentak yang mula-mula dicipta oleh orang Melayu setelah mereka dapat memainkan alat muzik tempatan. (CheMatJusoh, 2006).

Nyanyian lagu Melayu Asli mempunyai patah lagu yang sukar untuk dinyanyikan. Hanya penyanyi yang berpengalaman, mewarisi bakat semulajadi daripada ibu bapa dan mempunyai pendengaran yang baik yang mampu menirunya nyanyian penyanyi veteran sahaja yang boleh menjadikan patah lagu tersebut sempurna. Ianya sukar kerana cara pembelajaran yang digunakan adalah dengan cara mendengar dan meniru tanpa mengenal notasi yang dinyanyikan.

Lagu Melayu Asli ini adalah kepunyaan Malaysia, namun tiada bukti konkrit berkenaan sejarah dan asal usulnya. Orang Melayu terdahulu banyak mengaitkan muzik Melayu Asli dengan kewujudan ronggeng dan bangsawan di mana alat muzik yang digunakan lebih kurang sama. Tiada perhatian terhadap muzik ini kerana kurangnya pendedahan dan rujukan secara visual dan bertulis dan pembelajaran elemen muzik di sekolah-sekolah lebih tertumpu kepada muzik barat. Terdapat juga badan-badan kerajaan dan institusi telah mengambil langkah untuk mempertahankan kesenian ini seperti:-

- i. ASWARA menawarkan kursus pembelajaran major tradisional namun tenaga pengajar terdiri daripada adiguru yang tidak mempunyai latar belakang akademik.

- ii. JKKN, Yayasan Warisan Johor, RTM dan Klasik FM mengadakan pertandingan mencipta lagu dan nyanyian lagu Melayu Asli supaya kesenian ini tidak pupus dan masih mendapat perhatian masyarakat.

Penghasilan modul ini secara tidak langsung dapat memartabatkan budaya muzik kebangsaan dan mengekalkan irama tradisional iaitu warisan seni dan budaya. Banyak tulisan yang dihasilkan dan didokumentasikan berkaitan muzik asli meliputi sejarah, jenis-jenis muzik tradisional, contoh-contoh repertoir dan pelbagai aspek lagi termasuk nyanyian yang didokumentasikan dalam bentuk video atau cakera padat. Namun penerbitan video mengenai pengajaran dan pembelajaran nyanyian lagu melayu asli yang bercorak pedagogikal belum pernah ada di pasaran.

Pengajaran dan Pembelajaran di sekolah ataupun di Institut Pengajian Tinggi boleh dibangunkan dengan mengambil sumber dari bahan-bahan muzik tempatan dan disesuaikan dengan teknik pengajaran moden. Peluang mempopularkan semula lagu Melayu Asli sangat tinggi dan dapat memperkembangkan warisan seni budaya selain dapat mencungkil bakat pelajar dalam muzik tradisional, mencintai jatidiri kesenian yang mencerminkan Malaysia sebagai sebuah masyarakat yang bersatu, berhemah tinggi, berketrampilan dan bersedia untuk kemajuan negara di masa akan datang.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Di dalam memikirkan soal muzik tradisional kurang mendapat perhatian di kalangan masyarakat khususnya generasi muda, apa yang lebih membimbangkan adalah kurangnya penyanyi yang berkebolehan menyanyikan lagu Melayu Asli dengan baik

akibat kurangnya pendedahan yang diberikan oleh pihak tertentu. Permasalahan sebegini jika dibiarkan berterusan, kebarangkalian generasi akan datang tidak berpeluang mendengar dan mengenali lagu Melayu Asli.

Ini kerana selain daripada kaedah pembelajaran secara berguru yang mengamalkan konsep meniru dan menghafal, asas kaedah pembelajaran nyanyian lagu Melayu Asli secara bertulis belum pernah diterbitkan dan mengakibatkan pembelajaran menjadi tidak kekal kerana kerapnya berlaku perubahan dan penyanyi mudah lupa cara nyanyian sebenar.

Melalui pengamatan penulis juga, nyanyian lagu Melayu Asli wujud dalam pelbagai versi nyanyian dari pelbagai penyanyi berpengalaman dengan latar belakang yang berbeza yang mungkin datang dari negeri yang berbeza. Setiap nyanyian dari penyanyi tersebut boleh dirujuk dan akan dapat menghasilkan nyanyian yang pelbagai dalam persembahan lagu Melayu Asli, namun dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, pembinaan modul ini adalah untuk memperkenalkan nyanyian yang lebih asas dan mudah untuk difahami.

Diharap nyanyian lagu Melayu Asli dapat diajar dan diperkenalkan pada peringkat awal lagi iaitu di sekolah rendah walaupun bukan dalam subjek pendidikan muzik sendiri tetapi mungkin untuk pembelajaran ko-kurikulum dan pertandingan atau sebaris dengannya.

Pembinaan modul berkenaan lagu Melayu Asli, amat perlu dibangunkan kerana kekurangan buku dan bahan-bahan yang sesuai untuk digunakan dan dirujuk. Usaha-usaha giat oleh individu yang bertanggungjawab untuk menambahkan koleksi bahan rujukan tradisional seperti Modul Pengajaran Elemen Irama Tradisional Melayu melalui Rebana oleh Shuzaidi bin Samsudin (2011), Modul Pengajaran Wayang Kulit

dalam bilik darjah oleh Mohd Asmawi bin Isa (2009), *Compact Disc (CD)*, Multimedia Interaktif Permainan Kompang Kontemporari oleh Mohd Isa bin Ramlan (2009), *Compact Disc (CD)*, Multimedia Interaktif Permainan Alatan Muzik Dikir Barat oleh Nik Nasharudin bin Awang (2010), Modul Pengajaran Elemen Irama melalui permainan Rebana Ubi oleh Mohd Zaki Ismail (2010) dan Modul Pengajaran Gambus Sabah Berasaskan Lagu-Lagu Masyarakat Sabah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Muzik KBSM oleh Saporin bin Amat Sehab (2012).

Usaha sebegini perlu diteruskan untuk menambah bahan-bahan yang ada kepada beberapa jenis muzik yang belum diteroka. Dengan kesedaran ini, saya mengambil langkah menambah koleksi bahan dengan membina 'Modul Asas Pengajaran dan Pembelajaran Nyanyian Lagu Melayu Asli'.

#### **1.4 Tujuan Projek**

##### **1.4.1 Tujuan projek ini adalah untuk:-**

Membina dan melaksanakan 'Modul Asas Pengajaran dan Pembelajaran Nyanyian Lagu Melayu Asli'.

#### 1.4.2 Objektif Khusus:-

- i. Membolehkan individu ataupun guru vokal menggunakan 'Modul Asas Pengajaran dan Pembelajaran Nyanyian Lagu Melayu Asli' dan seterusnya pengetahuan berkenaan nyanyian lagu Melayu Asli boleh diperkembangkan kepada setiap lapisan masyarakat dalam dan luar negara.
- ii. Memberi kemahiran asas kepada individu ataupun guru vokal untuk menguasai nyanyian lagu Melayu Asli. Kemahiran asas yang dimaksudkan adalah dari segi membina pantun yang bersesuaian mengikut tema dan memahami struktur lagu Melayu Asli. Selain itu, terdapat juga penggunaan teknik vokal yang bersesuaian, latihan pemanasan suara sebelum memulakan sesi nyanyian, memahami patah lenggok asas dan langkah-langkah mempelajari nyanyian lagu Melayu dalam 4 buah lagu yang telah dipilih.

Tahap pencapaian yang ditentukan oleh Bahagian Perkembangan Ko-kurikulum (BPK, 2004, ms.19-20), telah diolah dengan penilaian nyanyian lagu Melayu Asli antaranya ialah:-

#### Aras 1

- Berkebolehan menyanyikan pelbagai repertoire mengikut skor dan memuaskan.
- Menyanyi lagu Melayu Asli mengikut teknik yang betul.



## Aras 2

- Berkebolehan menyanyikan pelbagai repertoire mengikut skor dengan baik.
- Kerap mengamalkan teknik yang betul

## Aras 3

- Berkebolehan menyanyikan pelbagai repertoire mengikut skor dengan tepat dan lancar.
  - Mengamalkan teknik nyanyian lagu Melayu Asli yang betul.
- iii. Menyediakan satu buku panduan untuk mengajar, untuk individu ataupun guru yang boleh diakses untuk pembelajaran sendiri.
  - iv. Menyediakan buku panduan dan boleh digunakan sebagai bahan bantu mengajar.
  - v. Meninjau tindak balas penggiat seni suara tradisional terhadap penghasilan modul ini.

## 1.5 Kepentingan Projek

### 1.5.1 Sekolah-sekolah

- i. Dapat membantu menyediakan pilihan untuk aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum sekolah selain bahan rujukan.

- ii. Rujukan untuk pertandingan nyanyian lagu Melayu Asli di peringkat sekolah.

### 1.5.2 Guru vokal

Mempelbagaikan bahan dalam pengajaran dan tidak tertumpu pada nyanyian moden dan klasikal sahaja.

### 1.5.3 Warisan Budaya

Pengekalan dan pengembangan warisan khazanah seni dan budaya selain dapat meningkatkan pembangunan produk seni budaya Malaysia.

## 1.6 Batasan Projek

Projek ini dibataskan kepada 3 aspek utama iaitu kaedah pembinaan projek, teknik patah lagu dan urutan latihan pembelajaran lagu Melayu Asli. Pembinaan projek ini ditumpukan kepada ciri-ciri pembinaan projek yang berkesan untuk tujuan pembelajaran lagu Melayu Asli.

Isi kandungan pembelajaran yang berbentuk teks diambil menerusi bahan-bahan yang telah sedia ada di dalam buku-buku seperti Muzik Malaysia: Tradisi Klasik, Rakyat Dan Sinkretik oleh Patricia Matusky dan Tan Sooi Beng (1997), Pengantar Muzik Malaysia oleh Patricia Matusky dan Tan Sooi Beng (1998), Muzik Tradisional Malaysia oleh Mohd Ghouse Nasuruddin (2003), Muzik Melayu Tradisi Mohd

Ghouse Nasuruddin. (1989), *Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu Di Malaysia* oleh Nik Mustapha Nik Mohd Salleh (2009), *Metode Vokal Profesional* oleh Pra Budidharma (2001), *Panduan Praktis Memimpin Kelompok Paduan Suara* oleh Subronto K. Atmodjo (2008) dan *The Structure of Singing : System and Art in Vocal Technique* oleh Miller, K. E. (1990).

## 1.7 Definisi Istilah

Definisi Istilah ini bertujuan untuk menerangkan dengan lebih jelas lagi tentang tajuk yang dibincangkan dan memberi fokus kepada maksud modul dan memerlukan pemahaman yang harus difahami dengan teliti. Modul ini menggunakan beberapa istilah yang perlu dirungkaikan maknanya.

### 1.7.1 Muzik

Muzik ialah sejenis kesenian dan sains yang menggabungkan bunyi-bunyian dan disusun secara sistematik oleh suara yakni instrumen semulajadi manusia atau menggunakan alat muzik. Ianya juga termasuk bunyi-bunyi persekitaran yang semulajadi ataupun bunyian rekaan yang mempunyai kualiti tersendiri dan dianggap mengikut estetika, corak pemikiran dan emosi manusia juga boleh mencerminkan sesuatu budaya tertentu.

Menurut Campbell 1995, muzik ialah suatu kesenian yang tertumpu pada aspek pendengaran atau aural. Manakala definisi muzik tradisional pula menurut Mohd Taib Osman (1984, ms.35), muzik tradisional ialah muzik yang telah wujud selama beberapa keturunan dengan mengutamakan beberapa alat muzik dan ciri-ciri alat muzik tersebut berasal dari Asia Tenggara.

Perkataan tradisional ditakrifkan sebagai suatu perkara yang diwarisi dari satu zaman ke satu zaman yang lain dari satu generasi ke satu generasi yang lain dan mungkin dari zaman dahulu kala dan masih dipertahankan atau diamalkan serta dihormati oleh generasi sekarang. (Mubbin Sheppard, 1990).

Secara amnya muzik tradisional mempunyai latar belakang yang menarik, peralatan muzik yang berlainan dan dimainkan sesuai dengan panorama tertentu. Ianya dipercayai bermula dari masyarakat primitif yang mengamalkan kepercayaan animisma. Mereka menggunakan pergerakan tarian dan bunyi-bunyian dalam upacara pemujaan terhadap kuasa-kuasa ghaib. Pada mulanya muzik dihasilkan dengan suara, tepukan tangan, hentakan kaki dan ketukan kayu namun lama-kelamaan alat-alat seperti seruling mula dicipta untuk memeriahkan lagi upacara sembahyang mengikut kepercayaan animisma yang dianuti.

Di dalam konteks projek ini, muzik membawa maksud bunyi-bunyian yang dihasilkan melalui pita suara iaitu nyanyian dan bunyi-bunyian yang dihasilkan oleh beberapa alat muzik iringan seperti akordian, biola dan juga rebana sehingga menghasilkan gabungan ritma dan intonasi muzik yang murni serta menjadi suatu melodi yang istimewa. Aktiviti muzik yang diaplikasikan di dalam “Modul Asas Pengajaran dan Pembelajaran Nyanyian Lagu Melayu Asli” ini bertujuan untuk memperolehi pengetahuan dan kemahiran asas dalam nyanyian lagu Melayu Asli.

### 1.7.2 Asas

Mengikut Kamus Dewan (2007), asas ataupun dasar membawa maksud sesuatu yang diambil untuk dijadikan sandaran atau pendukung kepada sesuatu yang lain. Di dalam konteks 'Modul Asas Pengajaran dan Pembelajaran Nyanyian Lagu Melayu Asli' ini, pengetahuan akan diperoleh bermula daripada peringkat asas atau dasar nyanyian lagu Melayu Asli sahaja.

### 1.7.3 Modul Pengajaran dan Pembelajaran

Jenis Pengajaran dan Pembelajaran mengenai sesuatu tajuk tertentu dan disusun secara sistematik serta berurutan bagi memudahkan pelajar untuk belajar secara bersendirian supaya dapat menguasai sesuatu dengan mudah dan berkesan.

### 1.7.4 Pengajaran

Pengajaran merupakan aktiviti yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan yang melibatkan aktiviti-aktiviti serta penghuraian, demonstrasi, penggunaan alat bantu mengajar serta sesi bersoal jawab. Pengajaran juga boleh dihuraikan sebagai satu cara untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk berfungsi dengan baik.

Mengikut kamus pelajar terbitan khas KBSM (Abd. Majid Baharom, 2007, ms.175), pengajaran ialah sesuatu proses yang berkaitan dengan mengajar dan sesuatu yang dapat dijadikan pedoman dan ingatan.

Namun di dalam penghasilan modul ini, penulis amat bersetuju dengan anggapan Sharifah Alwiah (1983) bahawa, pengajaran adalah sebagai aktiviti atau proses kerana apabila mengajar, aktiviti seperti menyoal, menerangkan, mendengar, menggalakkan sesuatu, dan berbagai-bagai aktiviti lain akan berlaku. Sharifah Alwiah juga menganggap pengajaran sebagai suatu proses komunikasi walaupun tidak semua aktiviti pengajaran merupakan komunikasi antara guru dengan pelajar.

#### 1.7.5 Pembelajaran

Umumnya Pembelajaran merupakan proses memperolehi ilmu pengetahuan atau kemahiran. Mengikut Kamus Dewan (2007, ms.170), pembelajaran ditakrifkan sebagai belajar mendapatkan ilmu pengetahuan dan menjalani latihan. Menurut Ralph W.Tyler (1977, ms.91) pembelajaran merupakan proses pelajar membentuk cara pemikiran yang baru atau mengubahsuaikan pemikirannya dan mampu menunjukkan perubahan dalam tingkah laku.

Mengikut Robert M. Gagne (1970) dalam *The Condition of Learning*, pembelajaran merupakan “perubahan tingkah laku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan proses pertumbuhan”.

Mengikut Woolfolk (1980) dalam *Educational Psychology for Teachers*, pembelajaran dilihat sebagai perubahan dalaman yang berlaku kepada seseorang dengan membentuk perkaitan yang baru, atau sebagai potensi yang sanggup menghasilkan tindak balas yang baru.

Di dalam konteks modul ini pembelajaran berlaku dengan menggunakan “Modul Asas Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Nyanyian Lagu Melayu Asli”.

Pelbagai pendekatan dan strategi digunakan agar mana-mana individu dan guru vokal dapat mempelajari dan menguasai nyanyian lagu Melayu Asli.

#### 1.7.6 Nyanyian lagu Melayu Asli

Mengikut Kamus Dewan (1989, ms. 868), nyanyian bermaksud gubahan muzik yang dilagukan dengan suara. Nyanyian lagu Melayu Asli adalah nyanyian yang dinyanyikan di dalam lagu Melayu tradisional yang bergenre Asli. Ianya memiliki ciri-ciri serta bentuk melodi yang lemah gemalai, berayun-ayun serta mengasyikkan. Nyanyian lagu Melayu Asli diakui amat sukar untuk dinyanyikan. Dalam menghasilkan nyanyian lagu Melayu Asli yang baik, antara faktor utama yang mempengaruhinya ialah melalui cara penyampaian yang teratur dan jelas terutama ketika menyampaikan patah lagu. Bagi mendapatkan teknik yang berkesan, mantap dan teratur dalam nyanyian lagu Melayu Asli ini, setiap penyanyi seharusnya memahami setiap peringkat di dalam proses penghasilan suara. Pengaplikasian teknik vokal yang bersesuaian dapat membantu melancarkan nyanyian termasuk proses pernafasan, artikulasi dan postur untuk memastikan nyanyian tersebut dapat dinikmati oleh penonton dan yang paling penting mesej yang disampaikan di dalam nyanyian seharusnya difahami oleh penonton. Penambahan patah lagu oleh penyanyi- penyanyi dalam nyanyian mereka merupakan peranan penting dalam memberi gambaran imej serta identiti kepada muzik Melayu Asli. (Shafa'atussara Silahudin, 2009)

### 1.7.7 Lagu Melayu Asli

Kedengaran pelbagai tafsiran serta informasi mengenai asal usul lagu Melayu Asli ini, ada yang mengatakan lagu Melayu Asli merupakan bahasa muzik orang dahulu. Tiada seorang pun yang dapat memberikan pengukuhan terhadap sejarah mahupun asal usulnya lagu Melayu Asli ini kerana masih tiada lagi bukti konkrit yang menyokong pernyataan di atas ini.

Dalam memperkatakan maksud perkataan ‘Asli’ di penghujung perkataan lagu Melayu itu, adakah ia asli dalam sebutan sahaja, boleh jadi sifatnya lama atau tua tidak kira dari mana punca asalnya, atau ‘Asli’ yang dimaksudkan sebagai asal atau mula. Walaubagaimanapun ada yang menyatakan istilah asli itu adalah rentak yang mula-mula dipakai oleh orang Melayu setelah mereka dapat memainkan alat muzik tempatan. Dengan ini, lahirlah satu rentak baru yang tidak ada sebelumnya. (Che Mat Jusoh, 2006)

Muzik asli dikaitkan dengan kewujudan ronggeng iaitu sejenis tarian sosial yang melibatkan lelaki dan wanita menari dan berpantun dengan iringan biola, akordian, rebana dan gong. Di sini, dapat dilihat bahawa penggunaan alat muzik tersebut mempunyai persamaan dengan alat muzik utama yang diguna pakai dalam ensembel muzik Melayu Asli. Ronggeng dikatakan mirip dengan joget Melayu (irama Joget) yang juga merupakan salah satu genre muzik yang ada dalam muzik Melayu Asli. Kewujudan muzik ini juga telah diceritakan di dalam hikayat Hang Tuah, pada abad ke-17 atau ke-18, mengenai nyanyian pantun dengan iringan gong dan kecap iaitu sejenis alat muzik tali yang dipetik. Sama juga seperti yang dikatakan oleh W.G Shellabear, di dalam Sejarah Melayu berkenaan masyarakat di negeri Melaka pada waktu itu menyanyi dengan iringan dan titiran gendang raya dengan menggunakan